

Kuala Lumpur: Pemilihan Malaysia menduduki kerusi Lembaga Eksekutif Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa Bersatu (UNESCO) bagi penggal 2015-2019 adalah satu pengiktirafan terhadap kemajuan yang dicapai negara ini dalam tiga bidang berkenaan.


Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak menerusi Facebook berkata, dengan menduduki kerusi itu, Malaysia berharap akan dapat memberi lebih banyak sumbangan di peringkat antarabangsa.

"Malaysia baru dipilih menjadi anggota Lembaga Eksekutif UNESCO bagi penggal 2015-2019.

"Saya melihat ini sebagai pengiktirafan terhadap kemajuan kita (bidang pendidikan, sains dan kebudayaan) dan berharap akan dapat meningkatkan sumbangan di pentas antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Menteri Pendidikan Datuk Seri Mahdzir Khalid selaku Anggota Lembaga Eksekutif yang baru berkata, kejayaan Malaysia menduduki kerusi bagi peng-

Bukti kita diiktiraf UNESCO



DR Ibrahim

gal 2015-2019 menggambarkan kepercayaan negara anggota terhadap Malaysia dan kepemimpinan Najib.

"Kita (Malaysia) akan terus memainkan peranan penting bagi merealisasikan agenda dan program UNESCO pada peringkat antarabangsa khususnya di rantau Asia Pasifik.

"Ucapan terima kasih kepada Kementerian Luar Negeri khususnya Kedutaan Malaysia di Paris, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pelan-

congan dan Kebudayaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang terbabit dalam usaha Malaysia untuk memenangi satu daripada kerusi Lembaga Eksekutif UNESCO sejak setahun lalu," katanya menerusi laman Facebook miliknya.

Malaysia berjaya menduduki kerusi Lembaga Eksekutif berkenaan selepas memperoleh undi tertinggi dalam kalangan negara Asia Pasifik.

Pemilihan Malaysia di umum pada Mesyuarat Pleno ke-12 Persidangan Agung UNESCO ke-38 yang berlangsung kelmarin di Paris.

Malaysia memperoleh 165 undi diikuti Vietnam (156), Sri Lanka (149), Korea (137), Pakistan (135) dan Iran (128).

Selain itu, pemilihan Malaysia menduduki kerusi lembaga eksekutif berkenaan dilihat sebagai satu pengiktirafan dunia selepas melihat pelbagai kejayaan di-

Tempat pertama dengan 165 undi

Paris: Malaysia berjaya menduduki kerusi Lembaga Eksekutif Pertubuhan Saintifik, Pendidikan dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) sesi 2015-2019 selepas memenangi pengundian pada Persidangan Agung ke-38 pertubuhan itu, di sini, semalam.

Keputusan itu diumumkan jam 6 petang waktu tempatan (1 pagi Malaysia) selepas tamat tempoh pengundian jam 2 petang (9 malam) kelmarin.

Malaysia diletakkan bersama tujuh negara dari rantau Asia Pasifik lain iaitu Afghanistan, Pakistan,

Samoa, Korea Selatan, Iran, Sri Lanka dan Vietnam bertanding menduduki enam kerusi Lembaga Eksekutif yang diperuntukkan bagi wilayah itu.

Sebanyak 186 negara layak mengundi.

Daripada laman negara wilayah Asia Pasifik itu, Malaysia menduduki tempat pertama dengan 165 undi.

Berikutan kemenangan itu, Malaysia akan diwakili oleh Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, dalam Lembaga Eksekutif UNESCO bagi tempoh berkenaan.

rahim Komoo berkata, Malaysia pernah menduduki kerusi berkenaan sebelum ini dan sekali lagi dipilih menggambarkan ia mula dipandang dan diiktiraf dunia dalam tiga bidang berkenaan.

"Ucapan syabas diberikan amanah untuk memimpin sekali lagi dan diharap dapat memberikan sumbangan terus kepada pelaksanaan aktiviti UNESCO.

Selain itu, Ketua Jabatan Pengurusan Sumber Manusia dan Pengajian Pengguna Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof Madya Mohamad Fazli Sabri berkata, pemilihan itu menunjukkan sumbangan dan kepemimpinan negara ini diiktiraf dunia dalam mempromosikan kerjasama antarabangsa dalam tiga bidang iaitu sains, pendidikan dan kebudayaan.

"Secara tidak langsung perjuangan negara ini dalam tiga bidang berkenaan dapat membantu negara serantau yang baru dan kurang membangun," katanya.

capai negara ini. Felo Utama Institut Alam Sekitar dan Pembangunan

(LESTARI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Emeritus Datuk Dr Ib-